

SULIT



Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2019/2020

Disember 2019 / Januari 2020

HKN420 - Isu-Isu Pensejarahan Kesusasteraan Nusantara

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi EMPAT (4) muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **EMPAT (4)** soalan. Jawab DUA (2) soalan daripada Bahagian A dan DUA (2) soalan daripada Bahagian B.

...2/-

SULIT

Bahagian A

1. Apakah yang dimaksudkan dengan kaedah periodisasi dalam penulisan sejarah kesusasteraan Nusantara? Kemukakan contoh-contoh buku kajian sejarah sastera yang menggunakan kaedah tersebut. Seterusnya, bahaskan kekuatan dan kelemahan kaedah berkenaan.

[100 markah]

2. “Penjajahan Barat banyak memberi kesan terhadap kemerosotan sastera Melayu di Alam Nusantara dan dalam masa yang sama telah menumbuhkan unsur-unsur dan karya baharu dalam sejarah perkembangan sastera Melayu” (Parnickel, 1995).

Dengan melihat senario pensejarahan kesusasteraan pada zaman penjajahan, bincangkan sejauhmana pandangan sarjana ini benar.

[100 markah]

3. Bincangkan kaedah diakronik dan sinkronik dalam penulisan sejarah sastera. Dengan merujuk kepada Braginsky (1998), perlihatkan bagaimana kedua-dua kaedah tersebut digandingkan dalam mengkaji sejarah karya historiografi di Nusantara.

[100 markah]

4. Pulau Pinang dan Singapura telah berperanan memunculkan kesusasteraan Melayu moden pada akhir abad ke-19 dan awal abad ke-20. Bincangkan secara kritis faktor-faktor yang telah membawa kepada pemodenan kesusasteraan di kedua-dua tempat tersebut.

[100 markah]

...3/-

SULIT

Bahagian B

5. “Abdullah Musyi ialah contoh kebebasan bersuara rakyat yang mudah dimanipulasi oleh pihak Inggeris yang sangat halus menusuk jarum muslihat mereka untuk meruntuhkan politik kenegaraan Melayu” (Jelani Harun, 2017).

Hikayat Abdullah (cetakan 1997) karya Abdullah bin Abdul Kadir mencerminkan hakikat ini. Bincangkan.

[100 markah]

6. Berdasarkan puisi “Aku” (1943) dalam **Lampiran A**, bahaskan secara kritis peranan dan sumbangan Chairil Anwar kepada perkembangan kesusasteraan Indonesia dari segi pemikirannya.

[100 markah]

7. Kedudukan Pramoedya Ananta Toer dalam sejarah kesusasteraan Indonesia moden diselubungi dengan pelbagai polemik dan kontroversi. Bahaskan pernyataan ini dengan mengemukakan bukti-bukti yang sesuai.

[100 markah]

8. Rincikan apa yang anda faham dengan konsep kesusasteraan Islam. Seterusnya, bahaskan pendapat Shahnnon Ahmad dan Kassim Ahmad berhubung polemik tersebut dan kesannya terhadap perkembangan kesusasteraan di Malaysia.

[100 markah]

...4/-

SULIT

Lampiran A

Aku

Kalau sampai waktuku
Ku mau tak seorang kan merayu
Tidak juga kau

Tak perlu sedu sedan itu

Aku ini binatang jalang
Dari kumpulannya terbuang

Biar peluru menembus kulitku
Aku tetap meradang menerjang

Luka dan bisa kubawa berlari
Berlari

Hingga hilang pedih peri

Dan aku akan lebih tidak peduli
Aku mau hidup seribu tahun lagi!

(Chairil Anwar, 1943)

- oooOooo -